

Siri Kaunseling Pastoral

Memperbaharui *Fikiran*



Penerbitan Kristian

Memperbaharui Fikiran

Mengenakan Kristus Ke Atas Dirimu

Tajuk : Memperbaharui Fikiran
Penulis : Dr Lee Bee Teik
Friends of the Bridegroom ©1999
Penterjemah : Steffisley Mosingki
Penyunting : Randy Singkee
Reka Bentuk : Chiang Juat Chin
Penerbit : Wawasan Penabur Sdn Bhd


Dr Lee Bee Teik (MBBS, Monash University) adalah seorang doktor perubatan terlatih sebelum mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjayanya untuk menjadi seorang suri rumah penuh masa. Beliau adalah isteri kepada Rev Dr Hwa Yung, Bishop Emeritus Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan beliau telah menulis banyak buku tentang doa serta isu-isu yang dihadapi oleh manusia. Beliau mengasaskan Reconre Ministries, sebuah pelayanan yang melayani hamba-hamba Tuhan penuh masa melalui pelayanan kaunseling dan retreat.

Hakcipta © 2013 Wawasan Penabur Sdn Bhd
Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Memperbaharui Fikiran

Mengenakan Kristus Ke Atas Dirimu

Diubah Dengan Pembaharuan Fikiran



Mungkin ada yang boleh menarik nafas lega: "Ah... topik ini macam dah kenal saja... akhirnya ada juga buku dalam siri ini yang berbicara tentang bagaimana memiliki satu kehidupan Kristian yang baik!"

Sesungguhnya peranan seorang pastor dan pengajar Firman Allah adalah untuk mendorong Kristian untuk

berkembang di dalam Kristus. Di dalam Kolose 1:10, Paulus mengingatkan umat Kristian di Kolose untuk hidup menurut kehendak Tuhan, melakukan apa yang menyenangkan hati-Nya, berbuah di dalam pekerjaan baik dan bertambah di dalam pengetahuan tentang Allah. Katekismus Kecil Westminster menyatakan:

“Tujuan akhir manusia adalah memuliakan Allah dan menikmati Dia untuk selama-lamanya.”

Meskipun proses menanggalkan diri lama kita yang terlalu mementingkan diri dan proses mengenakan personaliti Kristus adalah dua perkara yang berasingan, mereka sebenarnya adalah suatu yang selari. Sedikit di sini, sedikit di sana, sehingga gambaran Anak Allah yang lebih jelas akan terpancar daripada kita. Hidup yang dikosongkan daripada mendapan lumpur harus diisi dengan kebaikan dan keindahan Allah.

Buku ini lebih bersifat ceria kerana lebih banyak aspek-aspek positif penyucian akan dibincangkan (iaitu proses penyucian bagi semua anak-anak Tuhan bermula daripada kelahiran baru di dalam keluarga Allah sehinggalah pertemuan dengan-Nya nanti.) Buku-buku sebelum ini lebih bersifat membantu para pembaca memahami kebenaran bahawa Yesus akan datang kembali kepada pengantin perempuannya yang telah dihiaskan dengan kain linen tulen, bukan seorang yang masih memakai kain buruk yang lama (Wahyu 19:6-9).

Di dalam kaunseling pastoral, kita mengharapkan kuasa Roh Kudus untuk membawa perubahan di dalam hidup

orang yang datang mendapatkan kaunseling. Akan tetapi, selama 17 tahun berkecimpung di dalam bidang ini, saya mendapati kebanyakan orang Kristian menjangkakan perubahan drastik untuk berlaku dalam sekelip mata. Saya percaya kasih kurnia Tuhan mampu memutuskan ikatan ketagihan seseorang, contohnya, sejezus selepas dia dilahirkan semula ataupun didoakan. Walau bagaimanapun, seperti yang telah dikatakan oleh Yesus, sekiranya rumah yang telah dikosongkan daripada tuan yang jahat tidak diisi dengan Roh Kudus, maka tuan sebelum ini akan kembali sambil membawa lebih ramai kunci-kuncunya yang jahat. Isunya bukan mengenai kemampuan Tuhan untuk memulihkan seseorang dengan serta-merta. Apa yang penting adalah saluran yang digunakan-Nya untuk mengubah corak fikiran dan kelakuan – iaitu gaya hidup seseorang selama dia masih hidup.

Bagi perubahan sedemikian untuk mengambil tempat dengan efektif, Paulus percaya bahawa fikiran kita harus diperbaharui. Terdapat beberapa ahli psikologi yang mendapati kebenaran kenyataan ini meskipun klien mereka tidak beragama Kristian. Bukan itu sahaja, ia serba-sedikit boleh membantu para penerima kaunseling untuk meninggalkan cara berfikir yang tidak sihat berkenaan masalah mereka, dan pada masa yang sama mempelajari corak fikiran baru yang lebih sihat. Mana-mana sistem pendidikan yang baik sesebuah negara juga sepatutnya mampu berbuat demikian.

Oleh kerana tujuan Allah bagi kita adalah nilai abadi di dalam menjadi seperti Kristus, kita harus mengambil masa untuk memperbaharui fikiran kita. Perkara ini kelihatan

seperti rangkaian yang hilang di dalam sebilangan besar penerima kaunseling. Ada yang dengan gigih mengusahakan kembali bahagian-bahagian hidup mereka: perseorangan, keluarga (bujang ataupun berkahwin), pekerjaan, gereja, sosial dan juga persekitaran. Ia sungguh menggembirakan untuk melihat mereka berubah dan berkembang melalui kuasa Roh Kudus. Akan tetapi, ada yang memungkirkan sesi susulan selepas masalah telah diselesaikan kerana beranggapan mereka tidak akan apa-apa nanti. Saya tidak merujuk kepada mereka yang mempunyai sokongan komuniti yang utuh seperti kelompok sel dan rakan-rakan. Orang yang saya maksudkan adalah mereka yang menganggap diri mereka tidak memerlukan kebertanggungjawaban rohani untuk mendorong, membetulkan dan memberikan kasih sayang asalkan mereka mampu menikmati hidup sekali lagi.

Ramai di antara penerima kaunseling yang berulang kali terjebak di dalam situasi konflik di mana mereka akan terus meminta pertolongan. Kadang-kala mereka akan mendekati beberapa orang kaunselor pada masa yang sama dengan harapan untuk mendapatkan jawapan yang mereka inginkan. (Ini adalah para penerima kaunseling yang berseteru dengan kehendak Allah terhadap diri mereka, walaupun mereka kelihatan peramah kepada para kaunselor – sekiranya mereka menyukai jawapan yang anda berikan!)



Bagaimana Fikiran Kita Diperbaharui Untuk Transformasi

Cadangan: Ketika anda membaca petikan-petikan Alkitab berikut, luangkan masa untuk merenungkannya agar Kaunselor Agung kita, Roh Kudus akan menjelaskannya kepada anda untuk diaplikasikan.

1. Keperluan untuk Memperbaharui Fikiran Kita

“Kita tidak menerima roh dunia ini, tetapi kita menerima Roh Allah, supaya kita mengetahui semua yang telah dikurniakan Allah kepada kita. Oleh itu, ketika kami menjelaskan hal-hal tentang Allah kepada orang yang mempunyai Roh Allah, kami tidak berkata-kata menurut kebijaksanaan manusia, tetapi menurut ajaran Roh Allah. Sesiapa yang tidak mempunyai Roh Allah, tidak dapat menerima kurnia daripada Roh Allah, kerana orang seperti itu tidak dapat memahaminya dan menganggapnya suatu kebodohan sahaja. Kurnia daripada Roh Allah hanya dapat dinilai secara rohani.”

(1 Korintus 2:12-14)

“Orang yang hidup menurut kehendak tabiat manusia, fikiran mereka dikuasai oleh tabiat manusia. Orang yang hidup menurut kehendak Roh Allah, fikiran mereka dikuasai oleh Roh Allah. Jika fikiran kamu dikuasai oleh tabiat manusia, hal itu mengakibatkan kematian. Tetapi jika fikiran kamu dikuasai oleh Roh

Allah, Allah akan mengurniai kamu hidup dan kedamaian. Seseorang yang fikirannya dikuasai oleh tabiat manusia, menjadi musuh Allah. Orang itu tidak mentaati hukum Allah, dan sebenarnya dia tidak dapat mentaati hukum Allah. Orang yang hidup menurut tabiat manusia, tidak dapat menyenangkan hati Allah. Tetapi kamu tidak lagi hidup menurut tabiat manusia. Kamu hidup menurut kehendak Roh Allah -- jika Roh Allah menguasai hidup kamu. Sesiapa tidak mempunyai Roh Kristus, orang itu **bukan milik Kristus.**"

(Roma 8:5-9)

2. Panggilan untuk Memperbaharui Fikiran Kita di dalam Kristus.

"Oleh itu, demi nama Tuhan aku memberikan amaran ini: Janganlah kamu hidup seperti orang yang tidak mengenal Allah, yang berfikiran sia-sia. Mereka tidak dapat memahami apa-apa. Mereka tidak mengenal kehidupan yang diberikan oleh Allah, kerana mereka jahil dan degil. Mereka tidak mempunyai perasaan malu lagi. Mereka menuruti segala hawa nafsu dan terus-menerus melakukan segala perkara yang tidak senonoh. Bukan itu yang kamu pelajari tentang Kristus! Kamu tentu sudah diberitahukan tentang Dia. Sebagai pengikut-Nya kamu telah menerima ajaran benar tentang Yesus. Oleh itu, buanglah cara hidup yang lama, yang

menyebabkan kamu berkelakuan seperti dahulu. Cara hidup itu membinasakan kamu, kerana kamu dikuasai keinginan yang menyesatkan. Hati dan fikiran kamu haruslah dibaharui seluruhnya. Hendaklah kamu hidup seperti manusia baru, yang diciptakan menurut rupa Allah. Dengan demikian orang dapat melihat bahawa kamu mengamalkan hidup yang **menyenangkan hati Allah dan yang suci.**"

(Efesus 4:17-24)

"Sikap kamu hendaklah seperti sikap Kristus Yesus."

(Filipi 2:5)

3. Jaminan Harapan Bahawa Allah Akan Memperbaharui Fikiran Kita

"Tetapi sekarang, inilah perjanjian yang akan Aku buat dengan umat Israel¹ pada masa akan datang, firman Tuhan: Aku akan menanamkan hukum-Ku di dalam fikiran mereka, dan menuliskannya di dalam hati mereka. Aku akan menjadi Allah mereka, dan mereka akan menjadi umat-Ku. Tidak seorang pun perlu mengajar sesama wargakota, atau **memberitahu sesama suku, 'Kenallah akan Tuhan.' Mereka semua akan mengenal Aku, daripada yang terkecil sehingga yang terbesar. Aku akan mengampunkan kesalahan mereka, dan tidak mengingat lagi dosa mereka."**

(Ibrani 8:10-12)

4. Masa Untuk Mengambil Tindakan Memperbaharui Fikiran Kita Di Dalam Kristus

“Saudara-saudaraku, janganlah berfikir seperti kanak-kanak. Kamu haruslah seperti kanak-kanak yang tidak mengetahui apa-apa tentang kejahatan, tetapi kamu harus matang dalam pemikiran kamu.”

(1 Korintus 14:20)

“Kami menghapuskan pedebatan dan mengatasi setiap alasan yang diajukan oleh orang sombong untuk menentang pengetahuan tentang Allah. Kami menawan fikiran orang supaya taat kepada Kristus.”

(2 Korintus 10:5)

“Hendaklah ajaran Kristus yang penuh berkat meresap di hati kamu. Hendaklah kamu saling mengajar dan menasihati dengan segala kebijaksanaan. Nyanyikanlah mazmur, nyanyian pujian, dan lagu rohani. Bernyanyilah untuk Allah dengan perasaan syukur di dalam hati.”

(Kolose 3:16)

“Oleh itu, hendaklah kamu sentiasa bersiap sedia. Berwaspadalah dan berharaplah dengan sepenuhnya akan berkat yang diberikan kepada kamu apabila Yesus Kristus datang kembali. Taatlah kepada Allah, dan jangan hidup menurut keinginan kamu yang dahulu, ketika kamu masih belum mengenal Allah. Sebaliknya, hendaklah kamu suci dalam segala sesuatu yang kamu lakukan, sebagaimana Allah yang

memanggil kamu itu suci. Di dalam Alkitab tertulis, "Hendaklah kamu suci, kerana Aku suci."

(1 Petrus 1:13-16)

"Kerana Kristus sudah menanggung penderitaan secara jasmani, kamu juga mesti menguatkan diri dengan pendirian seperti itu. Hal ini demikian kerana sesiapa yang menanggung penderitaan secara jasmani, tidak lagi berbuat dosa."

(1 Petrus 4:1)

"Kami mesti sentiasa bersyukur kepada Allah bagi kamu, saudara-saudara yang dikasihi Tuhan. Hal itu demikian kerana Allah telah memilih kamu antara orang yang terdahulu sekali diselamatkan-Nya. Dengan kuasa Roh-Nya dan dengan kepercayaan kamu kepada berita benar daripada Allah, Allah telah menjadikan kamu umat-Nya yang suci."

(2 Tesalonika 2:13)

Jika pembaharuan fikiran adalah sesuatu yang tidak perlu kita lakukan, pasti Tuhan tidak akan memerintahkannya. Sewaktu berada di bumi, Yesus meluangkan masa selama 30 tahun bersama-sama keluarga yang meskipun berdosa tetapi tetap takut akan Allah. Sudah pasti Dia juga turut melalui pembaharuan fikiran di dunia yang telah jatuh ini. (Akan tetapi, Dia tidak pernah melakukan dosa kerana Dia tidak membenarkan kelemahan-Nya menjadi peluang untuk dosa terjadi). *Ingat kembali bagaimana kehidupan dan kata-kata-Nya berbeza daripada ajaran pemimpin agama orang Yahudi. Orang Farisi berpendapat bahawa jika mereka melakukan*

kewajipan agama dengan cermat, mereka bebas untuk hidup sesuka hati (dibandingkan dengan membasuh luaran cawan tetapi membiarkan ruang dalamnya dipenuhi dengan kuman). Tetapi Yesus berkata bahawa mereka harus mengasihi Allah dengan seluruh hidup mereka (Lukas 10:27). Ada satu ketika di mana para pemimpin Yahudi merasakan hanya wanita yang ditangkap berzina itu sahaja yang orang berdosa. Tetapi Yesus melihat mereka yang terlibat itu turut berdosa juga.

Untuk melihat dan mendengar kepada Yesus adalah satu panggilan untuk memperbaharui fikiran kita agar fikiran, perasaan dan keinginan-Nya menjadi milik kita. Tetapi Dia mahu kita untuk menjadi pelaku kepada Firman-Nya dan bukan pendengar semata-mata. Oleh itu, kita harus mempercayai dan mentaati Dia setiap hari. Ini bermakna pendekatan yang lebih sistematik dan berdisiplin (tidak semestinya akademik) diperlukan kerana Allah kita adalah Tuhan yang mementingkan ketertiban (1 Korintus 14:33, 40). Saya percaya bahkan orang Kristian yang buta huruf juga mampu berdisiplin untuk mentaati Allah seperti mereka yang berpendidikan tinggi, asalkan mereka bukan sekadar mendengar Firman-Nya tetapi mempercayai dan mentaati Dia. Di dalam Tuhan, kecelikan huruf tidak diambil kira.

Saya membesar di dalam sebuah gereja di mana penarik beca merasa selesa untuk menyembah Tuhan dan memberikan persembahan sebagai seorang tauke yang kaya. Dari pemerhatian zaman kanak-kanak yang sederhana ini, saya yakin bahawa Allah adalah adil dan Dia memberikan kasih kurnia-Nya secara sama-rata

kepada semua orang. Tidakkah kita berharap perkara ini akan semakin menjadi nyata di dalam gereja kita pada hari ini, terutamanya di kawasan bandar yang maju di mana masyarakat memandang tinggi kepada kekayaan, status dan pendidikan?

Peringatan: Gambaran Allah yang pincang mencerminkan sebahagian daripada Allah dan diri kita yang lama, dunia ini dan si jahat. Gambaran Allah yang sempurna pula hanya akan mencerminkan Yesus Anak-Nya “*Sekarang muka kita tidak berselubung dan kita memantulkan kemuliaan Tuhan. Kemuliaan itu berasal daripada Tuhan, dan Tuhan itu Roh yang mengubah kita semua. Kita semakin menjadi seperti Dia dan semakin memiliki kemuliaan-Nya.*” (2 Korintus 3:18).

Soalan : Bagaimanakah kita melatih fikiran kita?

Jawapan: Dengan berusaha keras untuk mengerjakan beberapa disiplin-disiplin kerohanian yang asas.

Meraikan Disiplin-Disiplin Yang Membantu Kita Mendengarkan Allah

Melihat, mengenali, mempercayai, dan mentaati-Nya
dengan kasih yang penuh rasa syukur

Kita mampu menyegarkan jiwa dan roh dengan membaca buku-buku karya Henri Nouwen² dan beberapa penulis lain. Saya berfikir ia mungkin kerana Allah telah memanggil mereka untuk mendengar-

Nya di dalam keheningan dan keseorangan (di dalam dunia yang serba bising) di pihak kita. Di kala kekeringan, **terutamanya apabila kita mengalami “kegelapan Jiwa”** ketika Allah seakan-akan jauh, Dia sering berkata-kata kepada kita melalui kata-kata mereka yang lahir daripada keheningan jiwa di hadapan Allah yang kudus dan lembut.

Sejak beberapa tahun ini, buku Dallas Willard, *The Spirit of the Disciplines*, telah menjelaskan disiplin-disiplin tersebut kepada saya. Saya telah menyenaraikan beberapa di antaranya di bawah untuk membantu kita mencari Dia dengan lebih dekat, sambil mempercayai dan mengasihi Dia dengan lebih dalam serta mentaati Dia dengan penuh kerelaan.

Disiplin-disiplin ini secara umumnya dikelaskan kepada dua kategori: *berpantang* (menahan diri daripada melakukan sesuatu) dan *janji komitmen* (memaksa diri untuk melakukan sesuatu). Mengingat kembali tangisan jiwa Paulus di dalam Roma 7:14-25, dia menangisi kebenaran bahawa dia tidak mampu melakukan apa yang diinginkannya, malah sebaliknya, dia melakukan perkara yang tidak ingin dilakukannya. Kita mungkin menyedari kembali betapa punahnya diri kita. Ini bermaksud kita memerlukan disiplin Tuhan untuk memperbaharui fikiran dan keinginan kita.

Berpantang

(menahan diri daripada melakukan sesuatu):

Dallas Willard berkata:

“Jika kita mendapati sebarang kelakuan ataupun

usaha, sekecil manapun ia, yang menghalang kita daripada mendekati Allah dan menenggelamkan kita lebih dalam kepada keduniawian; jika kita mendapati perkara yang mampu orang lain lakukan dengan bebas (kebebasan/kebal) adalah punca kejatuhan bagi kita, maka berpantang adalah satu-satunya pilihan kita. Hanya berpantang yang mampu memulihkan kita sepenuhnya untuk nilai sebenar akan pertolongan yang sepatutnya diberikan untuk membantu kita tetapi sering menjadi **kegagalan... Adalah penting bagi kita untuk menyelesaikan perkara yang menghalang kita daripada Allah.**"³

Beberapa contoh 'berpantang' yang disenaraikan oleh Dallas adalah:

- | | |
|------------------|---|
| Memencilkan diri | Tindakan menyisihkan diri daripada orang lain untuk bersendirian dengan Allah. |
| Berdiam diri | Mengelak daripada mendengar bunyi ataupun idea yang akan mengalihkan kita daripada mendengar Allah berkata-kata ke dalam hati kita (contohnya menahan diri daripada menonton televisyen, mendengar muzik yang mengganggu), sebaliknya hanya mendengar bunyi yang tidak dapat dielakkan seperti hujan dan bunyi kenderaan. |
| Berjimat-cermat | Bukan menjadi kedekut melainkan kecermatan di dalam penggunaan sumber (mengelak daripada membazir). |

Kesucian/ kehormatan diri	Mengekalkan kesucian diri daripada keinginan dan tindakan seksual (mengelak daripada pemikiran dan kelakuan seksual dengan menjauhi godaan).
Berahsia	Menyimpan rahsia sendiri dan orang lain (Menahan diri daripada membongkarkan rahsia).
Berkorban	Kesanggupan untuk memberikan kebaikan kepada orang lain (untuk melepaskan kebaikan kepada mereka yang lebih memerlukan).
Berpuasa	Menggantikan makanan harian dengan pekerjaan Allah untuk menunjukkan kebergantungan kita yang sepenuhnya kepada Dia.

Tozer menambah:

“Iblis tidak tahu akan Kristus – tetapi dia tahu segalanya mengenai umat Kristian! Nafsu berahi, nafsu mata dan kemegahan hidup sudah ‘diKristiankan’ (oleh orang-orang liberal, bukan evangelikal) dan kini ditawarkan bersama-sama dengan Kristus bagi mereka yang ‘percaya’. Para pemimpin buta bagi pengikut yang sama-sama buta kini mendesak bahawa umat Kristian tidak seharusnya menyisihkan diri daripada nikmat dunia, agar nilai-nilai yang ditolak oleh Kristus kini digunakan untuk menarik orang ramai kepada Injil. Kita kini memerlukan amaran: meskipun suara-suara nubuatan dilaungkan di mana-mana, umat Kristian hari ini ditarik kepada dunia dengan kuasa yang tidak mampu dilawan!”⁴

Janji Komitmen

(memaksa diri untuk melakukan sesuatu):

Dallas turut menjelaskan bahawa:
“Disiplin berpantang harus diimbangkan dengan disiplin berjanji dan membuat komitmen. Ia seperti menarik dan menghembuskan nafas bagi hidup rohani, ia diperlukan sebagai khasiat yang efektif. Hidup tidak mendapatkan kuasa pertumbuhan dan perkembangan daripada pengunduran diri melainkan berjanji melakukan sesuatu dengan penuh komitmen.”

Sebagai contoh, sel darah merah direka cipta untuk mengangkut oksigen. Sekiranya ia membawa karbon monoksida kita akan mati kerana kekurangan oksigen. Jika tempat yang telah direka di dalam jiwa kita untuk didiami Allah dan pelayanan kepada-Nya diisi dengan penyalahgunaan makanan, seks dan masyarakat, kita akan mati kerana kekurangan Allah dan hubungan yang benar bersama Dia dan ciptaan-Nya. *Berpantang yang berpatutan akan menghancurkan ikatan perbuatan yang tidak sihat agar jiwa mampu dihubungkan dengan baik di dalam dan oleh Allah.*

Beberapa contoh umum bagi “janji komitmen” yang disenaraikan oleh Dallas adalah:

Belajar Mempelajari Firman Allah dan juga pekerjaan-Nya di dalam hidup umat-Nya di sepanjang sejarah. Firman yang tertulis hanya membawa kita kepada Firman yang hidup, Yesus (Yohanes 5:37-40; Ibrani 4:12,13).

Merayakan (termasuklah tarian, drama, seni, **kraftangan, jenaka**) *“menambahkan keyakinan kita di dalam Allah yang melakukan semuanya dengan baik dan di dalam kekuasaan, keindahan dan kemuliaan-Nya. Kita memberikan tumpuan kepada hidup dan dunia kita sebagai pemberian Allah! Kita tidak menghormati Allah sekiranya kita menjadikan keseronokan sebagai sesuatu yang kita kejar. Merayakan dengan penuh hati akan menjadikan kelemahan dan masalah kita kelihatan kecil, dan kita mendapatkan kekuatan untuk melakukan kehendak Allah di dalamnya kerana kebaikan-Nya menjadi nyata kepada kita semua!”*

Melayani Bukan semua kebaikan harus dilakukan sebagai satu disiplin. Ia harus mengalir dari kasih dan kebenaran yang spontan. Akan tetapi, kita selalunya terpaksa bekerja dengan lebih keras untuk melaksanakan tugas kita dengan baik. Sebagai sebuah disiplin, pelayanan amat baik bagi mereka yang berada di kedudukan yang rendah, supaya mereka tidak melayani dengan perasaan marah; ia juga baik bagi mereka yang berada di kedudukan yang tinggi supaya mereka mempelajari untuk memiliki hati hamba dan bukannya penghargaan yang diberi oleh dunia. Orang sedemikian sering dipanggil untuk membuat keputusan di **gereja kerana dianggap “telah berjaya**

di luar sana". Di dalam Matius 20:25-28, Yesus mengajar orang yang besar untuk berkelakuan baik, bukan untuk menjadi lebih agung.

- Menyembah Membawa kebaikan apabila ia dipusatkan di dalam Yesus Kristus dan melalui Dia kepada Bapa. Kita menemui Allah melalui Allah sendiri (Yohanes 1:14, 14:9).
- Berdoa Berbual-bual dengan Allah, berkomunikasi dengan Allah dengan lantang mahupun melalui fikiran, begitu juga dengan doa yang dinyanyikan. Ia hampir merangkumi semua disiplin yang lain, belajar, meditasi, penyembahan, meyendiri, dan berpuasa. Kesan daripada bercakap-cakap dengan Allah pasti akan memberikan kekuatan kepada semua aspek personaliti dan hidup seharian kita di dalam berinteraksi dengan orang lain. Melalui doa, Allah mengubah kita menjadi saluran bagi perubahan sosial untuk kemuliaan-Nya. Di dalam doa, Allah akan menjumpai kita di dalam jaminan kasih-Nya... **di mana sahaja.. pada bila-bila masa sahaja...** (Yohanes 15:9-17; Wahyu 3:20).⁵
- Persekutuan Ahli tubuh Kristus harus berhubungan dengan satu sama lain untuk saling mendukung dan mendorong. Penebusan Kristian bukan bermaksud perihal sendiri saja, meskipun setiap individu mempunyai hubungan yang unik dan langsung kepada


Allah, dan Allah adalah Tuhan serta Hakim baginya. Allah Tritunggal adalah satu komuniti. Oleh itu, untuk memantulkan gambaran-Nya, kita juga harus hidup berk komuniti.

Pengakuan Kita membenarkan mereka yang kita percayai untuk mengetahui kelemahan dan kegagalan kita. Kita menanggalkan beban bersembunyi dan berpura-pura. Beban yang selalunya menghabiskan tenaga kita. Ia seakan-akan membantu sebuah belon untuk kekal di dalam air. Tetapi pengakuan juga sangat mudah untuk disalahgunakan. Pengalaman dan kematangan mereka yang terlibat dan juga kepimpinan di dalam kumpulan diperlukan untuk menjadikannya efektif.

Kepatuhan Kepatuhan bersama untuk Kristus adalah peringkat tertinggi di dalam persekutuan (Efesus 5:21). Ia merangkumi kerendahan hati, kejujuran, ketelusan, dan ada masanya pengakuan dan penggantian yang ditampung oleh disiplin kepatuhan kepada figura kuasa rohani dan sesama sendiri (Filipi 2:3, Ibrani 13:7, 1 Petrus 5:1-3). Salah patuh berfungsi pada peringkat hubungan horiontal manusia walaupun setiap orang mempunyai peranan yang berlainan dalam tubuh Kristus.

Marilah kita bersukacita dengan rasa syukur kerana perjalanan bersama Kristus memanggil kekretifan setiap

orang di dalam mengamalkan disiplin tersebut. Kita berhubung dengan Allah melalui persetujuan bersama, dipimpin oleh Firman Tuhan yang telah diberikan kepada kita. Tidak ada umat Kristian yang mampu memerintahkan orang lain untuk berjalan bersama Kristus, meskipun kita mampu memberikan panduan-panduan yang Alkitabiah. Anak Allah harus membebaskan kita untuk menjadi insan yang Allah kehendaki.



Merayakan Kebolehan/Bakat Kita (boleh digunakan sewaktu mengamalkan disiplin)

Saya dan suami saya mempunyai cara pendekatan yang berbeza. Sebelum kami menyedari perbezaan di dalam personaliti, kami mendapati sangat sukar untuk menanganinya secara emosi. Syukur kepada Allah kerana Dia membolehkan kami untuk mengenali betapa berbezanya cara kami diciptakan. Pengetahuan akan perkara ini membebaskan kami. Kami mendapati kami boleh meluahkan diri sebenar dengan lebih bebas. Dengan tunjuk ajar daripada guru-guru seperti Professor Reginald Johnson, saya ingin mengongsikan beberapa iktibar.⁶

Ada beberapa bahagian yang mungkin tidak asing bagi para pembaca yang telah dihantar oleh syarikat/ organisasi mereka untuk mengikuti kursus perkembangan diri. Namun bagi yang lain, perkara berikut mungkin adalah pendedahan yang baru, walaupun ia bukanlah apa yang telah Allah berikan kepada kita semenjak Taman Eden.

Temperamen kita adalah rangka asas bagi fikiran ataupun kecenderungan dan kebolehan/bakat, termasuklah kekuatan dan kelemahan kita.

Keperibadian kita adalah cara bagaimana seseorang mengendalikan temperamennya.

Personaliti kita adalah produk akhir, individu unik yang berbeza hasil daripada hubungan dengan orang lain.

Secara ringkas,

Temperamen + Keperibadian = Personaliti (J.I. Packer)⁷

[Berikut adalah adaptasi daripada nota yang dihasilkan oleh Professor R. Johnson untuk seminar pembentukan kerohanian beliau, digunakan dengan kebenaran beliau. Ia telah dibentangkan kepada para isteri pelajar-pelajar seminari di Asbury Theological Seminary, 1991]⁸

Di Peringkat Perorangan

Kita harus melihat diri kita sebagai berkebolehan/berbakat
Ramai di antara kita yang tidak melihat diri kita sebagai berkebolehan sejak dari detik kita dilahirkan. Kita juga turut menyangkal nikmat menggunakan bakat istimewa di dalam hidup. Kita harus melihat diri kita dari sudut pandangan Allah Pencipta lebih kerap kerana:

1. Dari Perspektif Alkitabiah:

a. Pemberian Allah adalah:

- i. Biasa untuk kehidupan seharian, misalnya menguruskan rumah tangga, memimpin, bertukang, seni kraf tangan, pembinaan,

- perakaunan, mengajar kanak-kanak.
- ii. Luas dari segi skop fungsi, misalnya di jalan raya, di rumah, di tempat kerja.
 - iii. Istimewa sekali apabila mereka dipersembahkan kembali kepada Allah dengan hati yang penuh kesyukuran.
- b. Bakat semula jadi boleh diubah menjadi kebolehan rohani, misalnya kemahiran para pembina bait suci di Perjanjian Lama (Keluaran 31:1-5).
- c. Yesus tidak membezakan kebolehan rohani dengan semula jadi di dalam kiasan-Nya (Lukas 19:11-27). Dia hanya meminta kita menjadi setia di dalam menggunakan apa yang telah dipercayakan-Nya kepada kita.
2. *Dari Perspektif Psikologi :*

Kebolehan datang daripada kurnia genetik dan juga pengaruh alam sekitar. Hasil kajian, pengalaman, dan pemerhatian ibu bapa akan anak-anak mereka mengesahkan hal ini. Misalnya, anak perempuan kami menyerupai abangnya dengan menjadi sedikit ekstrovet dan sangat ekspresif secara lisan. Akan tetapi, dia lebih menyerupai kakaknya dari sudut kewanitaan dan tingkah-laku perasaan. Walau bagaimanapun, dia juga turut memiliki cirinya yang tersendiri – dia lebih bersifat ekspresif secara fizikal. Ketiga-tiga mereka membesar di dalam rumah yang sama dan juga telah dilayan dengan serupa sejak dari awal. Mereka menunjukkan perbezaan dan persamaan tanpa campur tangan yang disengajakan oleh ibu

bapa. Tetapi oleh kerana setiap orang adalah unik dan istimewa, kami menyedari cara untuk mendekati mereka harus diubah suai.

Oleh kerana interaksi dan persekitaran kita berubah setiap hari, cara kita menggunakan kebolehan kita akan dibentuk kembali. Kita juga akan memperoleh kebolehan yang baru. Apabila saya mempertimbangkan perkara ini, muncul suatu kesedaran akan anugerah daripada Allah untuk melibatkan diri di dalam interaksi manusia dengan persekitarannya walaupun bukan semua pengalaman kita adalah indah!

Di Peringkat Komuniti

Kita harus mengongsikan kebolehan kita

Untuk lebih memahami nama dan konsep daripada sudut pandangan psikologi dan Kristian, adalah baik bagi anda untuk membaca *Celebrate, My Soul*⁹ dan *Please Understand Me*.¹⁰

Ahli psikologi telah lama memerhati kewujudan bagi pelbagai jenis temperamen di dalam populasi umum. Sejak beberapa dekad yang lampau, sepasangan anak perempuan dan ibu yang dikenali sebagai Myers-Briggs mendapati bahawa, secara umumnya, semua orang boleh dikelaskan kepada 16 jenis temperamen. Setiap satu memiliki empat fungsi yang asas, iaitu:

1. Arah kita menunjukan kehidupan dalaman kita.
2. Cara kita menerima maklumat daripada dunia luar.
3. Cara kita meluahkan fikiran dan pilihan kita kepada orang lain.
4. Cara kita menjalani kehidupan seharian.

Sila rujuk buku dalam Siri Bimbingan Remaja yang bertajuk *Cetak Sukma & Personaliti Anda* mengenai isu personaliti manusia dan bagaimana ia mempengaruhi hubungan kita dengan orang lain.

Di Peringkat Tuhan

Kita harus menyerahkan diri kita kepada Sang Pemberi dengan:

1. Mengakui kebolehan yang Allah telah berikan kepada kita dan tidak menginginkan kebolehan orang lain. Yesus menggunakan kebolehan yang Allah berikan dengan setia dan melengkapkan pekerjaan Allah Bapa bagi-Nya (Yohanes 17:4).
2. Menyangkal keinginan diri sendiri **kerana “biji benih harus mati” sebelum ia mampu berbuah dan menumbuhkan buah-Nya.** Walaupun kita sangat berbakat, keperibadian kita dibentuk oleh cara kita menggunakan bakat-bakat tersebut. Ia kemudian harus diselaraskan untuk mengikuti keperibadian Kristus seperti yang ditunjukkan-Nya di Taman Getsemani (Matius 26:36-46).
3. Mengendalikan sumber-Nya seperti seperti Yesus, Anak Manusia. Dia mendekati Allah Bapa dan taat kepada bimbingan Roh Kudus di dalam hidup dan pelayanan-Nya di bumi. Saya pasti yang Dia telah melengkapkan tugas-Nya sebagai anak sulung, tukang kayu dan pencari nafkah kepada keluarga-Nya di bumi sama seperti Dia melaksanakan tugas-Nya sebagai Penyelamat dan Tuhan yang telah bangkit dari kematian bagi semua orang. Meskipun dilengkapi dengan kebolehan, Dia dengan rendah diri dan dengan realistik mengatakan yang Dia tidak

mampu berbuat apa-apa tanpa Allah Bapa. Sememangnya, kasih kurnia Allah sudah mencukupi buat Dia (2 Korintus 12:9).

Memupuk Roh Kita

1. *Di Dalam Hubungan Allah Dengan Kita*
 - a. *Allah Mengambil Serius Akan Perbezaan Kita*

Baca Kejadian 1 dan 2 untuk melihat inisiatif Allah di dalam menjadikan lelaki dan perempuan sama tapi tidak serupa. Tidak ada seorang pun yang mampu menafikan betapa indahnya Allah telah menciptakan kita, tanpa mengira sama ada kita kaya mahupun miskin, berpendidikan ataupun tidak, cantik secara fizikal atau hodoh di mata orang lain, kuat atau lemah, beradab atau pun tidak – semuanya berharga di mata Allah dan kasih-Nya adalah untuk semua orang (Baca Mazmur 139).
 - b. *Allah Menggunakan Saluran Kita Yang Paling Terbuka*

Kaji semula bagaimana Yesus berkomunikasi dengan **Petrus dan Yohanes. Tanya diri anda: ‘Siapa yang ekstrovet, dan siapakah pula yang introvet?’** Bagaimanakah Yesus berhubung dengan mereka berdua?
 - c. *Allah Menggerakkan Kita Kepada Kesempurnaan*

Lihat bagaimana Yesus melayani perempuan Samaria yang berada di tepi perigi, Zakheus mahupun wanita yang mengalami isu pendarahan selama 12 tahun. Lihat bagaimana Dia mendorong mereka dengan lembut untuk berbunga di dalam pengampunan yang sebenar.

2. Di Dalam Hubungan Kita Dengan Allah

a. Kita Harus Menggunakan Jalan Semula Jadi Kita

Sebagai contoh, sekiranya kita adalah rakyat Malaysia berbangsa Dusun, marilah kita menyembah Dia seadanya dengan ciri-ciri budaya dan nasional yang digabungkan dengan hidup rohani kita. Kita mungkin ingin untuk berdoa menggunakan dialek dan tradisi kita, asalkan kita berdiam di dalam kebenaran Alkitab. Hanya dengan demikian barulah kita memberikan segala hati, jiwa, fikiran dan kekuatan kita (anda dan saya yang sebenar) kepada-Nya.

b. Kita Harus Berwaspada Akan Berat Sebelah

Apabila Allah menghendaki kita untuk melayani Dia di dalam bidang-bidang tertentu, kita mungkin beranggapan bahawa Dia juga turut menginginkan setiap orang untuk melakukan perkara yang sama, tetapi ia mungkin adalah sebaliknya. Kenyataan ini juga turut boleh diaplikasikan kepada penyembahan dan gaya berkhotbah. Jika tidak, kita mungkin akan memaksa orang lain untuk menyembah Dia dengan kepura-puraan. Kita tidak mahu menjadikan panggilan khusus Allah bagi kita sebagai satu panggilan kepada orang yang kita bimbing juga.

c. Kita Harus Menjadi Sensitif Kepada Gerakan Roh Kudus

Apabila Allah meminta seorang introvert untuk menziarahi seseorang secara berkala, ini bermakna Allah sedang mendorong dia untuk berkembang di dalam temperamen yang tidak dibiasakan, bahagian yang dinafikan, agar dia akan diregangkan dan dibawa lebih dekat untuk menyerupai Kristus.

Memahami Jemaah Dan Diri Kita

Saya terfikir sama ada perbezaan tatacara yang digunakan di dalam kebaktian ibadah, yang ada masanya menyebabkan konflik, adalah disebabkan oleh kejahilan terhadap kurniaan ciptaan Allah daripada kerohanian kita. Jika kita membenarkan kelonggaran seorang yang jujur untuk datang kepada Allah, dan jujur di hadapan orang lain dan dirinya sendiri, kita mungkin dapat menyembah Dia di dalam roh (dengan ikhlas) dan kebenaran (seperti mana Dia menyatakan diri-Nya kepada kita, bukan mengikut fikiran kita) dengan lebih baik.

Bagaimanakah variasi temperamen kita memberikan kesan kepada penyembahan bersama? Ia bergantung kepada:

1. *Bagaimana Maklumat Diterima*

- a. Mereka yang bersifat menderia akan memberikan perhatian kepada:
 - Menghargai kecantikan/mendengar muzik/memandang kepada Allah
 - Rutin/ketertiban/jadual bagi penyembahan dan bimbingan penyembahan
 - **Diberikan “kerja rumah” untuk tujuan** kebertanggungjawaban bagi mengelakkan persembahan yang tidak teratur
 - **Melihat kepada ‘orang-orang kudus’ dan tradisi-tradisi lama** bagi mendapatkan dorongan untuk terus berkembang
 - Khotbah yang mempunyai aplikasi yang praktikal
 - Sakramen (seperti perjamuan kudus) adalah luahan iman yang nyata

- b. Mereka yang bersifat intuitif memberikan perhatian kepada:
- Menikmati perubahan di dalam kebaktian
 - Pergerakan (penyembahan dengan tangan dan tubuh)/perubahan di dalam masa penyembahan
 - Menafsir Alkitab dengan penuh imaginasi
 - Gereja yang bersaiz kecil
 - Memerlukan masa untuk berdiam sejenak di perantaraan nyanyian dan penyembahan
 - Mempunyai pendekatan yang lebih simbolik kepada Alkitab

2. *Bagaimana Keputusan Dibuat*

- a. Mereka yang cenderung berfikir menggemari:
- Penyembahan yang memberikan pengertian (dibandingkan dengan bahan-bahan yang berunsurkan perasaan dan ilustrasi)
 - Liturgi bagi kebaktian
 - Khotbah yang tersusun
 - Kelas Alkitab yang mendalam dan lebih akademik
 - Ketekalan di dalam kebaktian
- b. Mereka yang cenderung untuk merasa menggemari:
- Seni kata lagu
 - Kesaksian peribadi
 - Muzik
 - Orang yang peramah
 - Mementingkan sikap sebelum beribadah
 - Khotbah yang positif dengan pengalaman

peribadi

- Kejujuran, kemesraan, sentuhan, perasaan yang asli
- Spontan

Berhadapan Dengan Bayang-Bayang Kita

1. Kelemahan

a. *Kesannya terhadap pilihan kita:*

Contohnya, pernyataan **“Saya suka mengelak dari orang ramai”** mungkin akan menunjukkan bahawa kita adalah tidak peramah.

b. *Sumber kepada kelemahan kita* termasuklah membiarkan kekuatan kita untuk menjadi megah, ataupun merendah-rendahkan kapasiti/fungsi yang **“berlawanan”**. Contohnya, apabila mereka yang bersifat eksrovet mengkritik intovet kerana tidak aktif menginjil.

c. *Fungsi keperibadian kita yang jarang digunakan menjadi kualiti diri yang paling kita benci, ‘musuh’ kita, ataupun titik kurang selesa yang akan memalukan diri kita.* Contohnya, apabila kita terperangkap di dalam situasi yang janggal kita akan berkata: **“Ini bukan ‘bahagian saya’; ini bukan diri saya yang sebenar.”** Tetapi kita mungkin akan berada di dalam situasi di mana orang lain yang memandang tidak akan memahami kita dan memberikan komen yang meremehkan kita walaupun mereka tidak bermaksud demikian. Di dalam kegoyahan kita menjadi marah.

d. *Keadaan yang akan menjadikan kita lemah/mudah dipengaruhi—* termasuklah kelesuan, tekanan, dan penyakit.

2. Kecelakaan (1 Korintus 11:27-32; Yesaya 53:1-7; Ibrani 4:14-16)
 - a. Bermula daripada Kejatuhan Manusia.
 - b. Mewakili kapasiti kita yang telah musnah.
 - c. Boleh menjadi peluang bagi dosa untuk terjadi. Contohnya, mereka yang mempunyai kecenderungan homoseksual jatuh ke dalam dosa kerana mereka memerlukan pelukan yang memberikan pengesahan. Mereka tidak menerima pelukan tersebut daripada ayah mereka yang jauh secara emosi sewaktu zaman kanak-kanak mereka.

3. Kerentanan (kecenderungan untuk berdosa secara sekunder kepada kelemahan spesifik kita)
 - a. Mereka yang bersifat penerima mungkin akan menjadi terlalu kritikal kepada orang yang bersifat intuitif kerana berkelakuan terlalu memandaimandai dan kurang teliti.
 - b. Mereka yang bersifat intuitif mungkin akan gagal memahami bahawa orang lain tidak mengongskan visi mereka kerana tidak berfikir dengan cara yang sama, bukan kerana mereka kurang komited atau lemah dari segi rohani.
 - c. Mereka yang cenderung berfikir mungkin akan memandang rendah kepada orang lain kerana tidak sepintar dan tidak sepenting mereka di dalam **perbincangan ataupun lebih “feminin” [prejudis lazim kaum lelaki]**.
 - d. Mereka yang cenderung merasa lebih mudah terluka dan memiliki kepahitan kerana mereka tidak sedar orang lain mungkin tidak mengkritik tetapi hanya menyatakan kebenaran dengan objektif.

Bayangkan masalah hubungan yang akan timbul hasil daripada semua kerentanan dan kelemahan kita!

Daripada Kehancuran Kepada Kesempurnaan

1. Ikuti diri anda yang sebenar di dalam Kristus
2. Benarkan Dia untuk membawa anda menuju kepada kesempurnaan:
 - Bertanggungjawablah ke atas dosa anda
 - Lihat kelemahan anda sebagai berkat, bukan kutuk
 - **Jadikan kelemahan anda sebagai “rakan”**
 - Gunakan kelemahan anda di dalam doa
 - Biasakan diri untuk memilih masa bersendirian daripada orang lain untuk bersama-sama dengan Allah, kemudian kembali kepada komuniti sekali lagi
 - Biasakan diri untuk menjadi lentur kepada perkara yang tidak penting, teguh di dalam perkara yang penting, sentiasa bersikap boleh diajar dan rendah diri di dalam tangan-Nya.
 - Dapatkan kumpulan akauntabiliti, sama ada kumpulan sel ataupun paroki, di mana setiap ahli diterima, dikasihi dan didorong untuk berkembang di dalam personaliti Krstius



Akhir sekali, biarlah senikata dalam kidung agung ini menjadikan doa kita...

KU MAU S'PERTI MU

'Ku mau s'perti Mu Yesus yang mulia,
inilah doa dan harapan.

'Ku mau sampahkan kekayaanku
untuk dapatkan Yesus Kristus.

Yesus 'ku rindu seperti Dikau
Yesus yang mulia s'perti Dikau.
S'perti manis-Mu, s'perti setia-Mu,
dalam hatiku s'perti Dikau.

'Ku mau s'perti Mu yang lemah lembut,
penuhlah rahmat pengasih.
S'lalu menolong yang tawar hati
serta mencari yang berdosa.

'Ku mau s'perti Mu yang panjang sabar,
dan rendah hati tiada cemar.
Sabar menanggung aniaya seksa
untuk s'lamatkan manusia.

Kidung Agung: Thomas O. Chisholm &
William. J. Kirkpatrick (1897)

Refleksi

Temperamen + Keperibadian = Personaliti
[kebolehan [bagaimana kita [hubungan
 [kebolehan menggunakan dengan
 [kebolehan kita] orang lain]

1. Daripada sejarah hidup Simon Petrus, apakah temperamen, keperibadian dan personalitinya berdasarkan hasil kajian Myers-Briggs (rujuk buku *Cetak Sukma & Personaliti Anda*)?
2. **Siapakah “DIRI ANDA” yang sebenar menurut ciptaan Allah?**
3. Bagaimanakah cara memandang diri seperti yang dibincangkan di atas mempengaruhi perjalanan peribadi anda dengan Allah, diri sendiri dan orang lain di gereja, tempat kerja dan masyarakat secara menyeluruh?

Rujukan

- 1 Selepas karya penebusan Kristus, Israel merujuk kepada Tubuh Kristus, gereja-Nya yang hidup.
- 2 Contohnya, buku tulisan Henri Nouwen yang bertajuk, *The Way of the Heart – Desert Spirituality and Contemporary Ministry* (Darton, Longman and Todd Ltd, 1981)
- 3 Dallas Willard, *The Spirit of the Disciplines: Understanding How God Changes Our Lives* (Harper Collins Publishers, 1988)
- 4 A.W.Tozer, *Renewed Day by Day: Daily Devotional Readings, Vol. 1* (Christian Publications, 1980) Jun 22.
- 5 Lynda Rose, *No Other Gods* (Hodder & Stoughton, 1990).
- 6 Reginald Johnson, *Your Personality and Your Spiritual Life* (Monarch, UK, 1997)
- 7 J.I. Packer, *A Passion for Holiness* (Crossway Books, 1992) mukasurat 24.

- 8 Profesor Johnson mendekati isu hubungan antara personaliti dan kehidupan rohani kita dengan satu pendekatan yang mudah dan praktikal. Dia **memberi jaminan kepada orang percaya 'yang biasa-biasa dan sederhana' bahawa Allah** mengerti dan mengasihi mereka kerana Dia telah menciptakan mereka, walaupun proses untuk mencapai satu bentuk yang indah itu adalah panjang.
- 9 Reginald Johnson, *Your Personality and Your Spiritual Life* (Monarch, UK, 1997)
- 10 David Keirse & Marilyn Bates, *Please Understand Me – Character and Temperament Types* (Prometheus Nemesis Book Company, 1978).



**WAWASAN
PENABUR**